AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL



*Warga emas digalak ambil vaksinasi dan dos penggalak bagi kurangkan kadar kematian akibat dijangkiti COVID-19.* (Foto hiasan)

# Warga emas belum vaksinasi berisiko maut jika dijangkiti

**Putrajaya:** Warga emas yang tiada vaksinasi atau belum mendapatkan dos penggalak didapati berisiko tinggi untuk meninggal dunia selepas dijangkiti COVID-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata data menunjukkan individu berusia 60 tahun ke atas yang tidak mendapatkan pelalian COVID-19 atau mengambil dos penggalak adalah kumpulan paling tinggi meninggal dunia selepas dijangkiti virus berkenaan.

"Semalam (kelmarin), 105 kematian COVID-19 dilapor. Kapasiti hospital dan unit rawatan rapi (ICU) terkawal, tetapi saya juga mahu kadar kematian terkawal. Warga emas tiada vaksinasi atau *booster* (dos penggalak) sangat berisiko tinggi mati daripada COVID-19.

"Saya merayu kepada orang tua anda untuk dapatkan dos penggalak," katanya menerusi ciapan di Twitter, semalam.

Ahad lalu, data Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan pada 2021, 11,075 kematian membabitkan warga emas akibat COVID-19 direkodkan dalam kalangan mereka belum divaksinasi, berbanding 3,568 yang sudah dapatkan vaksinasi, manakala hanya 13 kematian membabitkan mereka yang sudah diberi dos penggalak.

Khairy menambah, pemberian dos penggalak kepada warga emas sangat penting, terutama menjelang Ramadan kerana banyak aktiviti secara berkumpul akan diadakan.

"Mungkin orang tua kita tidak ke mana-mana sekarang, tetapi tiba Ramadan, mereka akan beramai-ramai pergi solat Tarawih.

"Elok 'tambah' perlindungan mereka dengan dos penggalak. Kita ikhtiar dan tawakal kepada Allah," katanya.

Kelmarin, negara merekodkan kematian tiga angka, iaitu sejumlah 105 kes dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan angka korban disebabkan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 34,099 kes.

Dalam perkembangan lain, Khairy semalam menerima memorandum daripada Persatuan Mencegah Dadah (PEMADAM) dan 91 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong Rang Undang-Undang (RUU) Larangan Merokok untuk dilaksanakan secepat mungkin dan undang-undang Generational End Game (GEG) melarang penjualan rokok kepada individu lahir selepas 2005.

"Insya-Allah, RUU ini akan dibentangkan pada Julai serta mendapat sokongan bipartisan," katanya dalam ciapan di Twitter, semalam selepas menerima memorandum itu di Parlimen.

Sebelum ini, Khairy memaklumkan pihaknya akan memperkenalkan akta baharu bagi melarang aktiviti merokok dan pemilikan produk merokok termasuk rokok elektronik terhadap generasi muda lahir selepas 2005 bagi mengurangkan keterdedahan generasi masa akan datang kepada rokok dan produk tembakau, punca penyakit barah yang menyumbang 22 peratus kematian.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NASIONAL**

# 208 kematian tahanan depoh imigresen

**Sebanyak** 208 kematian dalam tahanan depoh imigresen direkodkan sejak 2018 hingga 15 Februari lalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said, berkata antara sebab kematian tahanan yang disahkan Kementerian Kesihatan (KKM) adalah kerana penyakit Septic Shock, Tuberculosis (Tibi), Severe Pneumonia, jangkitan paru-paru, komplikasi jantung, denggi, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ, termasuk 25 kes akibat COVID-19.

"Prosedur pengurusan tahanan yang berada dalam depoh imigresen dimasukkan dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depoh Imigresen," katanya di Dewan Rakyat semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

105 KEMATIAN KELMARIN

# Majoriti warga emas tak divaksin

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 105 kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan majoritinya terdiri daripada warga emas yang tidak divaksinasi.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, bagaimanapun kapasiti hospital dan unit rawatan rapi (ICU) dalam keadaan terkawal.

"Graf ini jelas (menunjukkan) warga emas yang tiada vaksinasi atau *booster* (suntikan penggalak) sangat berisiko tinggi mati (akibat) dari Covid-19. Saya merayu kepada orang tua anda untuk dapatkan booster," katanya menerusi satu ciapan di Twitter, semalam.

Katanya, mesej itu juga sangat penting menjelang ketibaan Ramadan.

"Mungkin orang tua kita tidak ke mana-mana sekarang, tetapi tiba Ramadan mereka akan beramai-ramai pergi solat Tarawih.

"Elok *top up* (tambah) perlindungan mereka dengan *booster*. Kita ikhtiar dan tawakal kepada Allah," katanya.

## VTL udara Pulau Pinang-Singapura




**PARA** pelancong tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang semasa menyertai Program Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) udara di antara Pulau Pinang dan Singapura yang bermula kelmarin.

## Kes harian kembali meningkat 28,298

Kuala Lumpur: Kes harian Covid-19 di negara ini kembali mencatatkan peningkatan kepada 28,298 kes, kelmarin berbanding 26,534 kes pada Selasa lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif individu yang dijangkiti virus berkenaan ialah sebanyak 3,900,433 kes.

Katanya, jumlah itu membabitkan 27,600 kes penularan tempatan dengan 698 kes import dapat jangkitan luar negara.

"Paling tinggi kategori yang dikesan semalam (kelmarin) adalah kategori dua iaitu sebanyak 16,148 kes atau 59.06 peratus, ia dikuti kategori satu (11,936 kes), kategori tiga (100 kes), kategori empat (55 kes) dan 59 kes bagi kategori lima.

"Daripada jumlah keseluruhan 214 kes bagi kategori tiga hingga lima, sebanyak 56 kes (26.17 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi manakala 101 kes (47.2 peratus) menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak," katanya.

Katanya, 57 kes (26.64 peratus) sudah menerima dos penggalak dan 119 kes (55.61 peratus) berusia 60 tahun ke atas manakala 82 kes lagi (38.32 peratus) mempunyai komorbid dan dua kes membabitkan ibu mengandung.

## *Penggunaan katil ICU di Sarawak lebihi 50%*

Putrajaya: Sarawak menjadi negeri terkini mencatatkan penggunaan katil kes kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU) melebihi 50 peratus.

Ia berikutan penggunaannya sudah berada pada kadar 51 peratus.

Kelmarin, kadar penggunaan katil ICU atau kritikal di Sarawak ialah sebanyak 46 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan kini terdapat lapan negeri yang mencatatkan penggunaan katil ICU melepasi 50 peratus.



PESAKIT Covid-19 tahap 3 dan 4 dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Selain Sarawak, negeri lain ialah Putrajaya dengan penggunaan kini melepasi 100 peratus, Kuala Lumpur (69 peratus), Kelantan (65 peratus), Perlis (64 peratus), Selangor (59 peratus), Johor (62 peratus) dan Melaka (53 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagi katil bukan ICU, Dr Noor Hisham memaklumkan terdapat 12 negeri yang mencatatkan penggunaan melebihi 50 peratus.

"Negeri berkenaan ialah Selangor sebanyak 95 peratus, Kuala Lumpur (89 peratus), Putrajaya (84 peratus) dan masing-masing 82 peratus direkodkan di Melaka dan Terengganu.

"Selain itu, Perak dengan 81 peratus, Perlis (78 peratus), Sarawak (71 peratus), Kelantan (65 peratus), Johor (56 peratus), Pahang (53 peratus) dan Pulau Pinang (50 peratus).

"Untuk katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), tiada negeri yang menunjukkan penggunaan pengisian melebihi 50 peratus," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Negara rekod 28,298 kes baharu Covid-19

**SHAH ALAM -** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 28,298 kes baharu Covid-19 pada Rabu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,900,433 kes.



DR NOOR HISHAM

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah berkenaan melibatkan 27,600 kes tempatan dan 698 kes import.

"Bagi pecahan daripada jumlah tersebut, sebanyak 11,936 kes atau 42.18 peratus daripada pesakit Covid-19 kategori satu, sementara 16,148 kes atau 57.06 peratus pesakit kategori dua.

"Bagi kategori tiga, terdapat 100 kes (0.35 peratus), kategori empat dengan 55 kes (0.20 peratus) dan bagi kategori lima sebanyak 59 kes (0.21 peratus)," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan jumlah keseluruhan 214 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 56 kes dilaporkan tidak divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelalian berkenaan.

"Sebanyak 101 kes pula sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi tidak menerima dos penggalak manakala 57 kes pula sudah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 119 kes melibatkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. 82 kes lagi mempunyai komorbid dan dua melibatkan kes ibu mengandung," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, enam kluster baharu direkodkan pada Rabu menjadikan jumlah keseluruhan kluster aktif sebanyak 346.

"Sebanyak 374 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 147 daripadanya disahkan Covid-19 manakala kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan pula adalah sebanyak 227," katanya.

Jelas beliau, bagi kes memerlukan bantuan pernafasan pula, 233 kes dilaporkan dengan 91 kes disahkan Covid-19 dan 142 lagi kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan negara merekodkan 33,009 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif 3,567,003 kes setakat ini.

Dalam masa sama, lapan negeri mencatatkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus bagi katil kes kritikal atau ICU dengan Putrajaya mendahului 100 peratus, Kuala Lumpur (69 peratus), Kelantan (65 peratus), Perlis (64 peratus), Selangor (59 peratus), Johor (62 peratus), Melaka (53 peratus) dan Sarawak (51 peratus).

# 105 kematian baharu dicatat pada Rabu

**SHAH ALAM -** Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan sebanyak 105 kematian baharu akibat Covid-19 pada Rabu.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 kes adalah kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Menurut laman sesawang CovidNow, ia menjadikan jumlah keseluruhan kematian di negara ini sebanyak 34,099.

Sementara itu, bagi kategori BID pula, jumlah keseluruhan adalah sebanyak 7,128 kes.

Laporan berkenaan turut memaklumkan bahawa purata 29 orang daripada sejuta populasi kematian akibat Covid-19 di negara ini direkodkan bagi tempoh dua minggu lepas.

Perlis menjadi negeri tertinggi purata kematian setakat ini dengan purata 86 kematian, diikuti Kedah (70) dan Putrajaya (52).

**AKHBAR** : NEW STRAITS TIMES
**MUKA SURAT** : 2
**RUANGAN** : NEWS/STORY OF THE DAY



*Health workers attending to patients at a Covid-19 Assessment Centre in Bukit Mertajam in Penang yesterday.* PIC BY DANIAL SAAD

ELDERLY PARENTS NEED BOOSTER JAB

# 105 DEATHS RECORDED ON WEDNESDAY

More than half involved those over 60, says Khairy

KALBANA PERIMBANAYAGAM
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded one of the highest number of deaths since October last year, with 105 fatalities on Wednesday.

Health Minister Khairy Jamaluddin, in a tweet, said more than half the deaths involved patients above 60.

He said reducing the death rate was one of his priorities, adding that capacity at hospitals and intensive care units (ICU) was still under control.

"I want to bring deaths down, too. The graph clearly shows if you're 60 and above, you need to get boosted to protect (yourself) from the worst outcome of Covid — death," he tweeted, sharing the daily death graph which was segmented according to age.

The graph showed that a majority of the 105 deaths comprised the unvaccinated elderly.

"Convince your elders to get boosted."

He reminded the people to get their elderly parents vaccinated as they needed protection, especially during the upcoming fasting month.

Khairy said although elderly parents might stay at home most of the time, during the fasting month they normally performed *solat terawih* in large groups.

"It would be good to 'top up' their protection with a booster."

The highest number of deaths — 131 — was recorded on Oct 2 last year.

The country recorded infection numbers of below 30,000 for the fifth consecutive day, at 28,298. This brought the cumulative cases in the country to 3,900,433.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 698 were imported cases, involving 653 Malaysians and 45 foreigners.

"The remaining 27,600 were local transmissions involving 26,568 Malaysians and 1,032 foreigners. From the new infections reported, 11,936 (42.18 per cent) were in Category 1, 16,148 (57.06 per cent) in Category 2, 100 (0.35 per cent) in Category 3, 55 (0.20 per cent) in Category 4 and 59 (0.21 per cent) in Category 5."

He said there were 1,743 Covid-19 admissions on Wednesday.

"Of the cases, 1,000 (57.4 per cant) were patients from categories 1 and 2, and the remaining 743 (42.6 per cent) were in categories 3, 4 and 5. There were 374 cases in ICUs. A total of 233 needed ventilator support, a slight increase from the 215 the day before.".

Dr Noor Hisham said there was a variation between the Covid-19 hospitalisation data and the categories 1 to 5 cases logged daily.

"This is due to the dynamic clinical condition of the patients. Their situation could deteriorate or improve over time. This is the reason why high-risk cases from categories 1 and 2 were admitted to low-risk quarantine and treatment centres and hospitals, as a precautionary measure."

He said ICU bed utilisation by Covid-19 patients in eight states and federal territories were above 50 per cent.

He added that Malaysia's infectivity rate stood at Rt 0.96.

The country also recorded 33,099 new recoveries in the last 24 hours.

*Page 1 pic: Health workers treating Covid-19 patients in the Intensive Care Unit at Kuala Lumpur Hospital recently.*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

# Elderly advised to get jabs ahead of Ramadan

**KUALA LUMPUR:** Senior citizens are advised to go for the Covid-19 vaccination and booster jabs for better self-protection, especially with Ramadan around the corner, says Khairy Jamaluddin.

In a tweet, the Health Minister said taking the vaccine was crucial because during the fasting month, many senior citizens would perform Tarawih prayers at mosques.

"This message is also very important ahead of Ramadan.

"Maybe our parents are not going anywhere now. But when Ramadan arrives, they will go for Tarawih prayers in groups. It is good to 'top up' their protection with a booster. We strive and the rest we leave it to Allah," he said.

Khairy also said that 105 Covid-19 deaths were reported on Wednesday, and that senior citizens who were unvaccinated or had yet to receive their boosters were most at risk of contracting the disease.

"The capacity of hospitals or the intensive care unit is under control. But I also want the death rate to be under control," he said.

Based on a graph posted on his Twitter account, the data per population of 100,000 according to the vaccination status showed that the highest deaths were recorded under the "unvaccinated group" across every age level. — Bernama

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# Over 34% of children received first vaccine dose

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,209,694 children aged five to 11 or 34.1% of the group received the first dose of Covid-19 vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Wednesday.

According to the CovidNOW website, for adolescents aged 12 to 17, a total of 2,840,296 or 91.3% of the group completed their vaccination, while 2,939,622 or 94.5% received at least one dose of the vaccine.

For the adult population, a total of 15,393,296 or 65.4% of the group received their booster dose, and a total of 22,939,552 or 97.5% were fully vaccinated, while 23,215,558 or 98.7% received at least one dose.

On Wednesday, a total of 47,773 doses of vaccine were administered, with 12,788 as the first dose, 1,927 as second dose and 33,058 as booster dose, bringing the cumulative total vaccine doses dispensed under the immunisation programme to 68,328,203.

According to the Health Ministry's GitHub portal, 105 deaths due to Covid-19 were recorded on Wednesday.

Perak recorded the highest with 21 cases, followed by Kedah (17), Johor (13), Selangor (12) and seven each in Pahang and Kuala Lumpur.

Sabah and Malacca recorded five cases each, Penang four, Negri Sembilan, Sarawak and Terengganu three cases each, while Kelantan and Perlis recorded two cases each, and one in Putrajaya. – Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS/PARLIAMENT

# 'No plans to give 4th vaccine shot'

**THE** Health Ministry has no plans to administer a fourth dose of the Covid-19 vaccine to control the spread of the Omicron variant.

Deputy Health Minister Datuk Aaron Ago Dagang said this in response to an additional question from Datuk Che Abdullah Mat Nawi (PN-Tumpat) in the Dewan Rakyat yesterday.

Aaron said: "The ministry has no plans to begin administering a fourth dose (of the Covid-19 vaccine) to the public."

Che Abdullah, in his question, said he was informed that the ministry had formed a technical committee at the end of last year to look into the necessity of administering a fourth dose or another round of booster jabs following the threat posed by the Omicron variant.

He asked if the technical committee had made a decision.

Aaron said he would check whether the report had been submitted the ministry.

To another additional question, he said the ministry had no qualms about having an independent panel evaluate the post-mortem report on the death of Revnesh Kumar, 13, whose family claimed his death was related to the vaccine.



*Datuk Aaron Ago Dagang*

"I believe the ministry has no restrictions on this matter. This however depends on authorisation from the teenager's parents.

"Nevertheless, the health minister (Khairy Jamaluddin) has met the parents of the teenager and explained things to them."

He was responding to an additional question from Kelvin Yii (PH-Bandar Kuching).

The proposal was raised by Charles Santiago (PH-Klang) on Wednesday. Santiago said an independent panel could provide a neutral evaluation on Revnesh's case and that it could allay fears among parents about vaccine side-effects in their children.

Earlier, Aaron said the National Pharmaceutical Regulatory Agency had received 607 reports of deaths among Covid-19 vaccine recipients.

He said investigations into 451 of the cases had concluded that no deaths were directly linked to the vaccine.

Aaron said: "Although information on the investigation into the cases cannot be revealed to the public as it is confidential ... the ministry says that all cases were investigated thoroughly."